



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PEMBANTU TEKNIK

ELEKTRIK

KOD : B020
SUBJEK : RULES & REGULATIONS
TARIKH : 2 NOVEMBER 2004
MASA : 9.00 PG - 12.00 TGH

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA: B020 - RULES & REGULATION

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sebanyak **tujuh (7)** soalan
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.

SOALAN 1

- a) Nyatakan kelas-kelas pendaftaran kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta nyatakan had kewangan bagi tiap-tiap kelas tersebut.
(6 markah)
- b) Secara amnya sesuatu kontrak disediakan berdasarkan samada lukisan dan spesifikasi atau bilangan kuantiti. Ini kerana kontrak berdasarkan bilangan kuantiti mempunyai beberapa kelebihannya. Sila nyatakan **empat (4)** kelebihan kontrak secara bilangan kuantiti ini.
(8 markah)
- c) Nyatakan kepala dan pecahan kepala bagi kontraktor yang berdaftar dengan PKK di bawah:-
- i) Kontraktor elektrik yang menjalankan kerja-kerja pendawaian secara umum dan pendawaian bawah tanah.
(2 markah)
 - ii) Kontraktor elektrik yang menjalankan kerja-kerja pemasangan sistem keselamatan.
(2 markah)
 - iii) Kontraktor telekomunikasi yang menjalankan pendawaian di dalam bangunan.
(2 markah)

SOALAN 2

- a) Mengikut Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, terangkan pemasangan yang bagaimanakah yang memerlukan pemasangan peranti arus baki:-
- i) 10 mA (6 markah)
 - ii) 30 mA (4 markah)
 - iii) 100 mA (4 markah)
- b) Nyatakan **dua (2)** orang kompeten yang boleh menyelia mana-mana pendawaian elektrik dalam sesuatu pemasangan yang menerima bekalan satu fasa daripada pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan mengikut Peraturan 12 (1), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
- (6 markah)

SOALAN 3

- a) Peraturan IEE edisi ke 16 menerangkan cara-cara perlindungan untuk menghindari seseorang itu dari terkena kejutan elektrik dengan sentuhan secara langsung (*direct contact*). Nyatakan cara-cara perlindungan tersebut.
- (8 markah)
- b) Berikan contoh-contoh yang dipraktikkan menggunakan cara-cara perlindungan seperti yang tersebut dalam **soalan (a)** di atas.
- (8 markah)
- c) Berikan pula **dua (2)** cara-cara perlindungan untuk menghindari seseorang itu daripada terkena kejutan elektrik dengan sentuhan secara tidak langsung (*indirect contact*)
- (4 markah)

11/04 59
SOALAN 4 ✓

- a) Nyatakan **dua (2)** sebab yang membolehkan seseorang Pengarah Suruhan Jaya Tenaga membatalkan Perakuan Pendaftaran pemasangan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
(4 markah)
- b) Dalam Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 bab Bahan, Kelengkapan dan Kaedah Pemasangan menyatakan bahawa cara pengasingan yang berkesan dalam sesuatu sistem elektrik diadakan bagi tujuan-tujuan tertentu. Senaraikan tujuan-tujuan tersebut.
(8 markah)
- c) Nyatakan keperluan-keperluan ruang bagi papan suis atau kelengkapan sesuatu pemasangan elektrik seperti yang terdapat dalam Peraturan (37) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
(8 markah)

✓ SOALAN 5

- a) Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan dalam bab tatacara perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja, nyatakan Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender dan nyatakan juga Gred jawatan salah seorang daripada mereka.
(4 markah)
- b) Nyatakan **empat (4)** maklumat-maklumat penting yang perlu dikemukakan kepada Lembaga Tender atau Jawatankuasa Sebutharga jika rujukan kepada Lembaga Tender/Jawatankuasa Sebutharga dibuat.
(8 markah)
- c) Dalam Arahan Perubahan Kerja, setiap perubahan dari kontrak kerja hendaklah memenuhi kriteria-kriteria tertentu. Sebutkan **dua (2)** kriteria-kriteria tersebut.
(6 markah)
- d) Dihadapan siapakah Peti Tender patut dibuka?
(2 markah)

SOALAN 6

- a) Berikan **lima (5)** jadual tarif elektrik yang dibekalkan oleh TNB bagi berbagai kategori pengguna-pengguna.
(5 markah)
- b) Berikan **lima (5)** had voltan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna yang diberikan oleh pihak TNB.
(5 markah)
- c) Nyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi pemasangan kabel bawah tanah seperti yang dicatatkan pada Peraturan-Peraturan Bekalan Eelektrik, Suruhanjaya Tenaga Malaysia.
(10 markah)

SOALAN 7

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Pertolongan Cemas? Apakah objektif-objektifnya dan siapakah yang layak melakukan aktiviti pertolongan cemas tersebut?
(5 markah)
- b) Terangkan cara-cara mengawal dan mengendalikan situasi kemalangan sebelum pertolongan cemas dapat di lakukan ke atas mangsa.
(5 markah)
- c) Nyatakan **enam (6)** cara pemulihan pernafasan ke atas seseorang yang tidak sedarkan diri disebabkan oleh kecederaan, kekurangan darah atau terperanjat.
(3 markah)
- d) Terangkan cara-cara melapurkan kemalangan atau kebakaran yang melibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan yang berlaku berkaitan dengan sebarang pemasangan elektrik seperti yang dinyatakan di dalam Akta Bekalan Elektrik 447 dan nyatakan tindakan yang perlu di ambil oleh Jabatan berkenaan.
(7 markah)
